



**AZMI...JAS sering dilempar tuduhan**

PUTRAJAYA: Pemaju projek pembangunan dan syarikat perunding akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya terhadap laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) yang dihasilkan, jika berlaku mala-petaka pada masa depan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang didapati menjaskan mutu alam sekitar.

"Sesiapapun anda... ia bukan tanggungjawab Jabatan

Alam Sekitar (JAS) untuk menentukan ini boleh atau tidak boleh (dalam laporan EIA). Kita hanya menentukan apa yang tidak boleh dihasilkan (dibangunkan) yang menjasksan alam sekitar.

"Selama ini, semua tuduhan dilemparkan kepada JAS... begitu juga hari ini banyak projek berlaku dituduhnya majlis tempatan, majlis perbandaran luluskan projek walhal tanggungjawab terus kepada pemaju atau perunding profesional," katanya pada si-

dang akhbar selepas lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di kementerian itu, semalam.

Sebelum itu, Abdullah meluangkan masa lebih dua jam dalam lawatan kerjanya serta berbincang pelbagai isu membabitkan bidang kuasa agensi di bawah kementerian itu.

Isu alam sekitar kembali mendapat perhatian ramai berikutan kejadian tanah runtuh yang mengorbankan empat nyawa di Hulu Klang, minggu lalu dengan pelbagai

pihak termasuk JAS dipersalahkan dalam kejadian itu.

Azmi berkata, kementerian akan mencadangkan keperluan membuat laporan EIA bagi semua bentuk pembangunan tanpa mengambil kira keluasan atau saiz projek dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

"Perdana Menteri bersetuju akta itu dikaji semula terutama diperkuuhkan lagi sistem pemantauan, pelaksanaan dan semua kelemahan yang ada.

"Abdullah juga pada dasarnya bersetuju usaha mengupayakan syarikat perunding untuk membuat laporan EIA dan bertanggungjawab penuh terhadap laporan dihasilkan," katanya.

Kata Azmi, hukuman boleh dikenakan terhadap pemaju projek pembangunan dan syarikat perunding seperti termaktub dalam Akta Syarikat 1965 jika pihak terbabit ingkar atau gagal mematuhi peraturan ditetapkan pihak berkuasa.

## Setempat

# EIA tanggungjawab pemaju, syarikat perunding